

Rujukan: JKS/PP/100/3-19 (12)
Tarikh: 9 Februari 2006
10 Muharam 1427

Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Ketua Pendaftar / Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / Tuan

**Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil. 1/2006
Pendaftaran Kes Jenayah Yang Hukumannya RM3,000.00 Atau
Dua Tahun Penjara Atau Kedua-duanya Sekali**

Mesyuarat Hakim Syarie/Pendaftar Jabatan Kehakiman Syarian Negeri Pulau Pinang pada 27 Januari 2006 telah bersetuju untuk menerima pakai arahan berhubung pendaftaran kes kesalahan Jenayah di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 2004 yang hukumannya RM3,000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali hendaklah didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah berkenaan. Arahan ini dikeluarkan berikutan pindaan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2006 telah menambahkan bidangkuasa jenayah Mahkamah Rendah Syariah seperti yang tersebut.


(DATO' HAJI MD. YUSUP BIN CHE TEH)
KETUA HAKIM SYARIE
NEGERI PULAU PINANG